

Samsiah Jayos
K.B., P.A., (MAL)

Kata Kaunselor

Pensyarah Kaunseling UNIMAS



PILIHAN menjadi ibu tiri bukan pilihan wanita di dunia ini. Segalanya dalam ketentuan Tuhan. Mencari lelaki yang bujang pada zaman sekarang ini juga mempunyai cabaran tersendiri.

Hatta, mencari calon suami untuk dijadikan jodoh serta sesuai dengan jiwa serta sekufu dengan kita juga ada cabaran lainnya.

Mencarikan jodoh yang diminta oleh teman juga takut, takut jika ada masalah kemudian hari kita juga yang dipersalahkan.

Namun, jodoh, rezeki, ajal dan maut itu dalam ketentuan-Nya. Kita sebagai manusia hanya mampu merancang, tetapi Tuhan yang menentukan.

Perancangan dan ketentuan Tuhan itu, pasti ada hikmahnya yang kita sebagai hamba-Nya kerana kali tidak dapat menjangkauinya.

Pada zaman dahulu seperti filem P. Ramlee, ibu tiri ini sering disinonimkan dengan watak wanita yang seperti bawang putih, bawang merah.

Stigma ibu tiri, garang, kejam, mendera anak tiri, hasad dengki, hati busuk dan *queen control*.

Tetapi adakah benarkan begitu? Mari kita bersama-sama menyelami isu ini yang sering dirujuk kepada penulis selaku kaunselor keluarga anda.

Diharap dengan penulisan artikel penulis kali ini, membuka mata ramai pihak diluar sana berkenaan isi hati wanita yang bergelar ibu tiri.

Fenomena Ibu Tiri

Mendapat gelaran ibu tiri daripada beberapa cara. Antaranya sebab seseorang itu mendapat gelaran ibu tiri ialah apabila wanita tersebut berkahwin dengan seorang lelaki yang berpisah dengan isterinya sama ada bercerai hidup, meninggal dunia ataupun menjadi isteri baharu.

Dalam erti kata lain berpoligami atau hidup bermadu. Kebanyakan fenomena sekarang ramai pasangan bercerai hidup. Penceraian dalam rumah tangga sekarang ini berlaku bukan hanya pada pasangan muda yang dikatakan masih mentah dalam selok belok cabaran rumah tangga.

Yang mengejutkan sekarang ini dikenal pasti pasangan yang 50 tahun dan ke atas melayari bantera rumah tangga memiliki cucu-cicit, juga sudah banyak yang bercerai.

Dikatakan penceraian diusia senja. Ternyata institusi rumah tangga zaman kini sangat rapuh dan membimbangkan.

Pelbagai gejala yang tidak sihat dapat berlaku. Umpamanya, perkhelahan dalam rumah tangga dan berebut harta.

Ini memberi kesan negatif terhadap jasmani, psikologi dan kerohanian anak-anak kesan daripada penceraian ibu bapa tersebut.

Bonus kepada ibu tiri yang dikurniakan ahli keluarga sebelah

Bimbingan PSIKOLOGI untuk IBU TIRI

Syukurlah jika isteri bekas suami anda, sudi menyara dan membantu hal ehwal anak anda seperti atur hal akademik dan membantu membimbing mereka dekat kepada agama yang memikirkan masalah anak anda seperti anak sendiri

suami yang menyayanginya setulus hati seperti mentua, ipar duai serta anak tiri sentiasa menyayanginya dengan tulus ikhlas, meringankan beban hal rumah tangga jika duduk bersama-sama, hari kelahirannya diraikan atau diingati, saling menyokong, bantu membantu dalam menghadapi masalah hidup, diziarahi serta tanya khabarnya.

Cabaran Dalam Rumah Tangga

Menjadi ibu tiri bukan suatu yang mudah. Di sebalik menerima bapa anak tiri sebagai suami anda. Anda kena terima anak-anak suami anda sebagai anak anda dan sebahagian daripada hidup anda.

Diakui cabaran dalam rumah tangga memang banyak pan-carobanya. Alangkah berkahwin 'biasa' pun melibatkan suami, isteri, anak sendiri. Ini pula perkahwinan yang banyak cabang hubungan iaitu ibu tiri, anak tiri atau adik-beradik tiri.

Kadang-kadang ibu tiri baik, anak tiri tidak baik, bekas isteri suami mengacau, ipar yang jahat mulut serta menantu baik, mentua jahat. Kalau didengar luahan klien, pecah kepala dibuatnya.

Berbaaur rasa perasaan sehingga pening dan geram. Tidak kurang juga simpati dan kesian. Perlu diingati, ibu tiri juga sama taraf seperti ibu kandungan. Doanya tidak ada hijab buatmu, ingat itu.

Tambahan jika ibu tiri itu, menjaga solat, menutup auratnya dan memiliki ciri seorang yang solehah serta menjaga batas syariat, pergaulan serta agamanya.

Konflik Ibu Tiri

"Ditelan mati mak, diluah mati bapa," begitu antara luahan jiwa klien saya yang bergelar ibu tiri. Simpati dan difahami, konflik bukan sahaja pada tindakan, termasuk juga dari segi kejiwaan.

Biarkan suami anda perlu menegur anaknya terutama anda memiliki anak tiri remaja.

Sekiranya anda berkahwin dengan suami yang bercerai hidup dengan bekas isterinya. Jika menjadi ibu tiri kepada anak tiri yang kematian ibunya, biasanya agak kurang cabarannya.

Ini kerana tiada penglibatan

campur tangan negatif dengan bekas isteri suami anda yang suka menghasut dan melagakan anaknya dengan anda sebagai ibu tiri mereka.

Kepada isteri bekas suami anda, bersyukur jika isteri bekas suami anda, menyara dan membantu hal ehwal anak anda seperti akademik dan membantu membimbing mereka dekat kepada agama yang memikirkan masalah anak anda seperti anak sendiri.

Ketika anda sendiri tidak mampu lakukannya seperti ibu tiri anak anda lakukan buat anak anda.

Seharusnya, tidak timbul perasaan yang tempat anda sebagai ibu diambil oleh ibu tiri mereka.

Dokongan suami dari segi psikologi dan motivasi juga amat perlu bagi wanita yang bergelar ibu tiri.

Suami mesti pandai main tarik tali serta berhikmah dalam menangani cabaran rumah tangga dan konflik yang dihadapi.

Oleh itu, kita sentiasa adil dan tidak menyebelahi anak anda jika berlaku sesuatu pertelingkahan. Kena selidik permasalahan yang berlaku dari sudut kedua-dua pihak.

Insyallah anak tiri yang masih mentah dengan kehidupan perkahwinan, lama kelamaan dapat diajar rasional dan bukan emosional dalam berdepan dengan sebarang permasalahan yang datang serta stigma negatif terhadap ibu tiri dapat dikiris serta dibuang jauh-jauh.

Pergantungan Kepada Tuhan

Hidup ini, kita tidak dapat memuaskan hati semua orang. Terima kehadiran orang datang dalam kehidupan di sekeliling kita seadanya.

Akur kepada kekangan diri sendiri dan orang lain tersebut serta berlapang dada. Sentiasa dekatkan diri kepada Allah SWT dan berserah sahaja lah kepada-Nya. Terlalu

berfikir mampu menyebabkan tekanan darah terutama golongan berusia. Sentiasa melakukan amal kebajikan untuk bekalan akhirat.

Jika kita berbuat baik kepada ahli baharu yang datang dalam kehidupan. Sudah pasti kita terima balik kebaikan, jika tidak dapat tidak mengapa.

Fokus kepada kebahagiaan lain. Saling menghormati sesama ahli keluarga.

Kepada yang bergelar anak tiri, ingat dunia ini, ibarat roda dan tidak ke mana-mana pun. Kalian juga berkahwin dan menempuh alam rumah tangga seperti yang lainnya.

Cabaran Kehidupan

Kehidupan ini pasti banyak ranjau dan cabarannya. Tuhan mengingatkan dunia ialah tempat bercucuk tanam atau bersusah susahan, manakala akhirat nanti tempat menuai atau memungut hasilnya.

Jika kita banyak berkorban dan berjariah di dunia ini, Insyallah di akhirat kelak kesenangan menanti. Tuhan tidak pernah mungkir janji-Nya.

Hadapi cabaran kehidupan dengan penuh ketenangan dan doa serta tawakal.

Jika anda masih menghadapi masalah dan ingin berkongsi serta mendapatkan bantuan, jangan teragak-agak silalah berhubung dengan kaunselor anda atau talian kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari. Insyallah masalah anda mungkin dapat dirungkai.

MENTERI

Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Harun ketika hadir menyaksikan raptai Konsert Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia peringkat Bernama di Wisma Bernama.



RINA